

## Kembalikan semangat rukun negara

Oleh DR  
**NAJIHATUSSALEHAH**  
**AHMAD**  
Ketua  
Penerangan  
Dewan Muslimat  
PAS Malaysia



MANA-MANA negara pun di dalam dunia ini mempunyai cara tersendiri untuk menetapkan ciri-ciri warga negaranya agar mempunyai jati diri. Sebagaimana pancha sila di Indonesia, Malaysia juga menetapkan ciri-ciri warga negaranya agar selari dan mampu berharmoni antara satu sama lain.

Di antara resepi perpaduan negara ini adalah kerana rakyat tetap berpegang pada Rukun Negara. Kerukunan dan kestabilan negara adalah di antara sebab utama pengisytiharan Rukun Negara pada 31 Ogos 1970 oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Almarhum Tuanku Ismail Nasiruddin Shah Ibni Almarhum Sultan Zainal Abidin sewaktu sambutan hari kemerdekaan yang ke 13. Majlis Gerakan Negara mengambil pengajaran peristiwa 13 Mei 1969 yang membawa kepada rusuhan

kaum lalu mewujudkan Rukun Negara.

Rukun Negara merupakan tonggak ke arah keharmonian dan perpaduan kaum di Malaysia. Rukun Negara yang terbahagi kepada dua bahagian. Bahagian pertama lebih kepada pengukuhan semangat perpaduan manakala bahagian dua adalah pengukuhan jati diri rakyat Malaysia. Dua aspek ini sangat penting dalam pengukuhan kepada semangat kekitaan dan semangat cintakan negara Malaysia.

Jati diri rakyat Malaysia yang dimaksudkan adalah pertama kepercayaan kepada tuhan. Seluruh rakyat Malaysia seharusnya mengamalkan agama masing-masing dengan tekun. Islam sebagai agama persekutuan, namun pengikut agama lain bebas mengamalkan agama masing-masing tanpa rasa takut.

Namun begitu, dalam pengamalan agama tersebut haruslah menghormati agama orang lain dan menghormati hak pengikut agama Islam sebagai agama majoriti di Malaysia.

Kesetiaan kepada Raja dan Negara merupakan peringatan kepada semua rakyat untuk menghormati ke-

daulatan seorang raja yang memayungi rakyat jelata. Raja merupakan tiang yang tempat rakyat berpaut ketika krisis melanda kerajaan Malaysia. Kepentingan seorang raja dapat dilihat sewaktu perdana Menteri Malaysia yang ke 7, Tun Mahathir Mohamad meletakkan jawatan.

Yang di-Pertuan Agong menjadi penyelesai krisis yang berkesan dan berjaya menyelesaikan kemelut tersebut. Setiap rakyat juga harus setia kepada negara dengan mengelakkan diri dari terlibat dengan rasuah yang bakal menghancurkan negara. Negara yang penuh rasuah bukan sahaja boleh menjatuhkan ekonomi malahan boleh membahayakan keselamatan rakyat.

Keluhuran perlembagaan dan kedaulatan undang-undang umpama kontrak sosial semua rakyat Malaysia. Dengan menghormati, memahami dan menghargai undang-undang yang berlandaskan perlembagaan Malaysia, rakyat boleh berpaut pada prinsip keadilan untuk semua kaum. Setiap rakyat harus dilayan secara sama rata dan saksama tidak mengira bangsa, agama dan kedudukan sosial.

Harakah, M/S N4, 14-16 Ogos 2020